Tajuk : Keluarga Malaysia Ambil Iktibar Peristiwa Hijrah

Surat Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 3 Ogos 2022

Muka Surat : 13

Keluarga Malaysia ambil iktibar peristiwa Hijrah

Nadzir Awang Ahmad,
Pensyarah Kanan, UiTM Cawangan Arau

Pengiraan takwim dalam Islam dimulai dengan awal Muharam bersempena peristiwa penting dalam sejarah Islam, iaitu hijrah Rasulullah SAW dari Kota Mekah ke Kota Yathrib (Madinah) pada tahun 622 Hijrah.

Kisah hijrah Rasulullah SAW dan sahabat perlu dijadikan pedoman kepada kita dalam menghayati dan menterjemahkan tema sambutan Maal Hijrah tahun ini iaitu, Keluarga Malaysia pemangkin kemakmuran.

Bermula daripada peristiwa hijrah itu terbinanya sebuah negara Islam pertama dipimpin sendiri oleh Rasulullah SAW selama 10 tahun sehingga wafatnya Baginda.

Peristiwa hijrah ini sebenarnya mendidik sifat keprihatinan dalam hidup bermasyarakat tanpa mengambil kira latar belakang dan keturunan. Islam menganjurkan umatnya supaya mengambil peduli nasib masyarakat sekeliling.

Serlah kesepaduan ummah

Dalam hal ini, kita sebagai rakyat Malaysia perlu mengambil iktibar berdasarkan negara kita yang berbilang bangsa.

Konsep Keluarga Malaysia ajak rakyat bersama-sama merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. (Foto hiasan)

Termeterainya Piagam Madinah yang mengandungi fasal berkaitan sesama umat Islam, iaitu antara Muhajirin dan Ansar serta hubungan antara umat Islam dengan bukan Islam (Yahudi) membuktikan konsep kesepaduan ummah ini mampu memartabatkan kerajaan Islam Madinah sebagai sebuah kerajaan yang adil dan kuat.

Konsep Keluarga Madinah terbentuk dengan sendirinya menerusi Piagam Madinah yang dipersetujui orang Islam dan bukan Islam.

Justeru, peristiwa hijrah dan pembentukan Kerajaan Islam Madinah adalah contoh sandaran terbaik oleh negara kita apabila perdana menteri memperkenalkan konsep Keluarga Malaysia.

Konsep yang berteraskan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran serta inklusif merentasi sempadan bangsa dan agama menerima persamaan dan perbezaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara serta mengajak semua rakyat negara ini bersama-sama sebagai sebuah keluarga mampu untuk merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke ***bhforum@bh.com.my***

Rabu, 3 Ogos 2022 (BH, pg 13)